

# Semua calon MPP KUTKM menang tanpa bertanding

Archival News | Berita Harian | 02/09/2003 | Author: Syuhada Choo Abdullah; Norzilawati Abdul Halim

## Pilihan Raya IPTA

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) sekali lagi tidak mengadakan pembuangan undi bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2003/2004 pada pilihan raya kampus Khamis ini kerana semua 20 kerusi diperuntukkan di kolej universiti itu dimenangi tanpa bertanding.

Ini adalah kali kedua kolej universiti itu tidak mengadakan pembuangan undi setelah 22 calon dalam pemilihan tahun lalu juga menang tanpa bertanding, sekali gus menjadi satu-satunya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang tidak mengadakan pembuangan undi untuk memilih perwakilan pelajar.

Pengerusi Lembaga Pilihan Raya MPP merangkap Dekan Hal-Ehwal Pelajar KUTKM, Prof Madya Dr Su'aidi Safei, mengumumkan perkara itu selepas selesai proses penamaan calon kolej universiti itu kira-kira jam 12 tengah hari Sabtu lalu.

"Tiada pembuangan undi dua tahun berturut-turut bukan bermakna KUTKM tidak mengamalkan demokrasi dalam pemilihan MPP. Sebaliknya, proses itu berjalan lancar atas kesedaran pelajar sendiri menyahut aspirasi universiti dan kerajaan memilih kepimpinan pelajar berkualiti," katanya kepada Berita Harian.

Proses penamaan calon pilihan raya kampus di semua IPTA diadakan serentak Sabtu lalu, manakala pembuangan undi Khamis ini.

Beberapa universiti tumpuan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pula melaporkan proses penamaan calon peringkat institusi masing-masing berjalan lancar.

Timbalan Rektor (Hal-Ehwal Pelajar dan Disiplin) UIAM, Prof Madya Dr Mohd Daud Bakar, berkata 13 daripada 36 kerusi diperuntukkan di universiti itu juga dimenangi tanpa bertanding.

"Sejumlah 23 kerusi lagi, termasuk tujuh kerusi perwakilan pelajar antarabangsa, akan menjadi rebutan 58 calon. Sepanjang tempoh penamaan calon Sabtu lalu, pelajar menunjukkan sikap tenang dan tertib tanpa menimbulkan sebarang masalah.

"Bagi pilihan raya kali ini, pihak Rektor sudah mengeluarkan surat pekeliling mewajibkan pelajar mengundi. Mereka yang tidak berbuat demikian dikehendaki mengemukakan surat tunjuk sebab," katanya.

Di UTM Skudai, Pengurus Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsanya, Norazilla Abdul Rahman, berkata 131 calon bertanding di universiti itu bagi merebut 55 kerusi kawasan umum (31 di kampus Skudai dan 24 di Kampus Kota Kuala Lumpur) dan 76 kerusi fakulti (67 di Skudai dan sembilan di Kuala Lumpur).

"Bilangan calon kali ini meningkat kira-kira 80 peratus berbanding tahun lalu dan tertinggi sejak pilihan raya kampus diadakan," katanya.

Di UKM, Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar), Prof Dr Mohd Wahid Samsudin, berkata proses penamaan calon di universiti itu juga terkawal tanpa tercetus sebarang kekecohan atau tindakan melangkaui peraturan ditetapkan.

"Pilihan raya kali ini menyaksikan pertandingan 'satu lawan satu' bagi semua sembilan kerusi kawasan umum dan 23 fakulti," katanya.

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) UM, Prof Datuk Dr Razali Agus, pula berpuas hati dengan proses penamaan calon bagi merebut 39 kerusi dipertandingkan di universiti itu.

Katanya, seramai 73 calon bertanding bagi merebut tujuh kerusi kawasan umum dan 32 lagi fakulti.

Di UiTM, Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar), Prof Dr Nasuddin Othman, berkata 56 calon bertanding bagi merebut 40 kerusi dipertandingkan pada pilihan raya kali ini.

"Proses penamaan calon berjalan lancar. Bagi membolehkan pelajar keluar mengundi, semua dekan diminta menyesuaikan jadual kuliah pada hari berkenaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UPM, Mohd Izham Ismail, berkata tiada sebarang insiden berlaku sepanjang tempoh penamaan calon yang menyaksikan 94 pelajar merebut 15 kerusi kawasan umum dan 15 fakulti, termasuk dua di kampus Bintulu, Sarawak.

"Pembuangan undi akan dijalankan secara elektronik di Dewan Pusat Kebudayaan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan fakulti masing-masing pada pilihan raya kali ini," katanya.

(END) Source : Berita Harian



جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA